

**NO. SOALAN: 7**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN ]**

**SOALAN :**

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan strategik dan kempen-kempen telah dirangka oleh JAKIM bagi membentras penularan fahaman IS dan seterusnya meningkatkan kefahaman masyarakat berkaitan fahaman tersebut

**JAWAPAN:** (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi hal Ehwal Islam kali ke 106 pada 21-22 Oktober 2014 telah memutuskan bahawa " Perjuangan mujahidin Negara Islam (IS) adalah bertentangan dengan syarak dan kematianya juga tidak dikira syahid". Ini dipertegaskan lagi dengan keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 20 April 2015 bahawa umat Islam di negara ini haram membantu, memihak apatah lagi menyertai gerakan kumpulan militan IS. Dalam hubungan ini, selain tindakan oleh pihak Polis

Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Dalam Negeri bagi menangani ancaman kumpulan IS dalam aspek keselamatan, Kerajaan melalui kementerian/agensi berkaitan telah menyusun dan menyelaras program penerangan tentang kumpulan IS secara lengkap dan menyeluruh.

Justeru itu, JAKIM telah menubuhkan Jawatankuasa Penerangan Jihad Peringkat Kebangsaan dengan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, JAKIM dan dianggotai oleh kementerian/agensi berikut:-

- (i) Kementerian Dalam Negeri;
- (ii) Kementerian Pendidikan Malaysia;
- (iii) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia;
- (iv) Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri;
- (v) Majlis Agama Islam Negeri /Jabatan Agama Islam Negeri;
- (vi) Institut Kefahaman Islam Malaysia;
- (vii) Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri.
- (viii) Polis DiRaja Malaysia; dan
- (ix) Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM).

Jawatankuasa ini adalah berfungsi untuk:

- (i) berkongsi maklumat dan pengalaman berkaitan isu-isu jihad dan ekstremisme antara agensi-agensi berkaitan bagi memudahkan perancangan dan pelaksanaan program;

- (ii) merangka dan menyediakan pelan tindakan yang jelas dan menyeluruh bagi mengatasi salah faham dan kekeliruan tentang konsep jihad;
- (iii) membuat penyelarasan pelaksanaan program dan aktiviti berdasarkan peranan dan fungsi agensi yang terlibat; dan
- (iv) melaksanakan program dan aktiviti secara kerjasama melalui *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* agar pelaksanaannya lebih cekap dan menyeluruh.

Juga turut dipersetujui, bahawa ahli jawatankuasa atau agensi-agensi yang berkaitan juga boleh mengambil pendekatan proaktif dengan melaksanakan program-program penerangan masing-masing. Misalnya, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan mengeluarkan penulisan mengenai jihad dan kumpulan IS yang dipaparkan dalam laman webnya. TV al-Hijrah dan Radio IKIMfm pula telah menerbit dan menyiarkan beberapa siri program yang menerangkan tentang konsep jihad dan bahaya ancaman kumpulan IS.

Di samping itu, antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh JAKIM ialah :

- i. Konvensyen Pemimpin Mahasiswa Islam Nasional di ILIM, Bangi pada 14-15 Mac 2015 yang melibatkan seramai 300 orang pemimpin pelajar universiti seluruh Malaysia;

- ii. Seminar Penjelasan Isu Semasa kepada pegawai JAKIM dan JAIN pada 20 Mac 2015 bertempat di Masjid Putra, Putrajaya;
- iii. Wacana Intelektual Akidah : Ancaman Idealogi Semasa dan Kesannya kepada Ummah dan Perlembagaan Negara” dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Pahang (KIPSAS) pada 23 Mac 2015 di KIPSAS, Pahang kepada 800 orang pegawai dan kakitangan JAIP, pensyarah serta pelajar dan gugu-guru takmir masjid;
- iv. menyediakan teks khutbah jumaat khas yang menjelaskan konsep jihad dan isu-isu yang berkaitan dengannya dan dibacakan di masjid-masjid utama negara dan disiarkan secara langsung di TV1;
- v. kempen dan kesedaran fatwa berkaitan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi hal Ehwal Islam kali ke 106 pada 21-22 Oktober 2014 dan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 20 April 2015;
- vi. menerbitkan dan menyiarkan program ceramah dan forum melalui penerbitan media elektronik TV dan radio seperti Forum Perdana Hal Ehwal Islam dan sebagainya; dan
- vii. Seminar Kelestarian Keselamatan Negara dengan kerjasama INTAN Bukit Kiara pada 16 April 2015.

Sekian, terima kasih.